



SOALAN LAZIM

JAMINAN DI MAHKAMAH

SESYEN DAN MAJISTRET KUALA LUMPUR



APA ITU JAMINAN?

Satu cagaran kebiasaannya dalam bentuk wang yang menjadi sekuriti untuk memastikan kehadiran OKT ke Mahkamah selagi mana kes berjalan.

Jaminan Mahkamah adalah berbeza dengan Jaminan Polis.

1



2

BILA ISU JAMINAN TIMBUL?

Jaminan di Mahkamah hanya akan timbul selepas OKT dituduh iaitu selepas pertuduhan dibacakan kepada OKT di Mahkamah Terbuka.



SIAPA PIHAK YANG TERLIBAT?

- Hanya Pegawai Mahkamah di Mahkamah Terbuka dan Petugas Kaunter Jaminan.
- Polis yang terlibat mengiringi OKT.
- Pihak lain tidak dibenarkan/tidak diberikan kuasa dalam urusan jaminan.
- Laporkan kepada polis/Mahkamah jika ada pihak yang menawarkan perkhidmatan berkaitan jaminan.

3



4

SIAPA MENENTUKAN JUMLAH JAMINAN?

- HMS/Majistret yang memutuskan jumlah sebenar jaminan.
- Jumlah jaminan hanya mengikut jumlah yang disebut oleh HMS/Majistret.
- Tiada sebarang bayaran tambahan lain dikenakan oleh pihak Mahkamah.



SIAPA YANG BOLEH MENJADI PENJAMIN?

- Dewasa (18 tahun ke atas).
- Warganegara Malaysia (bagi bukan warganegara tertakluk kepada syarat Mahkamah).
- Bagi warga asing yang dituduh, penjamin hendaklah warganegara Malaysia.
- Memahami semua syarat Mahkamah.
- Dapat mengemukakan jaminan yang ditetapkan oleh Mahkamah.
- Kebiasaannya ahli keluarga/kawan rapat OKT.

5



6

APA TANGGUNGJAWAB PENJAMIN?

- Memastikan OKT hadir ke Mahkamah pada setiap tarikh yang ditetapkan.
- Memaklumkan Mahkamah akan keberadaan dan status OKT jika OKT tidak dapat hadir.
- **Kegagalan melaksanakan tanggungjawab ini boleh menyebabkan penjamin dikenakan tunjuk sebab, jaminan dibatalkan dan wang jaminan boleh dirampas**



BOLEHKAN RAYUAN PENGURANGAN JAMINAN DIBUAT?

- Ya. Pendakwa mencadangkan jumlah jaminan.
- OKT melalui peguambela atau dirinya sendiri boleh membuat rayuan pengurangan dan menyatakan alasan.
- Mahkamah akan membuat keputusan.

7



Patuh syarat jaminan dan hadir ke mahkamah pada setiap tarikh yang ditetapkan.



Kegagalan mematuhi syarat jaminan boleh menyebabkan jaminan dibatalkan dan wang jaminan dirampas.



Jika ada sebarang soalan, hubungi Kaunter Jaminan Mahkamah.



Tiada pihak lain luar Mahkamah dibenarkan menguruskan urusan jaminan.